

# Ujian Personaliti

## **Apakah Kekuatan Saya?**

---

Anda harus faham personaliti anda sendiri sekiranya anda mahu berjaya dalam karier dan gembira dengan apa-apa yang anda lakukan. Pekerja yang gembira ialah pekerja yang produktif.

Adakah personaliti seseorang boleh diukur? Perangai manusia sentiasa berubah dan menjadi fitrah manusia untuk berubah mengikut kehendak setempat. Walau bagaimanapun, ada sesetengah perangai atau kebiasaan kita yang tidak boleh diubah.

Tujuan ujian ini adalah untuk mencari identiti anda yang sebenar bukan untuk mencari kelemahan diri anda. Oleh itu, anda diminta supaya menjawab dengan ikhlas dan jujur. Sebaik-baiknya, jawab semua soalan secara spontan tanpa berfikir akibat daripada jawapan tersebut.

Semasa menjawab soalan personaliti, cuba untuk menjadi diri anda sendiri bukan orang lain ataupun seseorang yang anda ingin jadi.

Jika anda ingin jawapan yang lebih konsisten, adalah lebih baik jika anda membuat ujian ini dua kali supaya anda dapat memahami soalan dan menyelami hati anda dengan lebih baik.

Tidak ada jawapan betul atau salah dalam ujian ini. Bulatkan jawapan yang anda rasa paling sesuai untuk menceritakan diri anda. Jawab semua soalan.

**Contoh:**

Apabila saya tidur, saya jarang sekali bermimpi.

Ya / Tidak

Jika jawapan anda tidak, maka itu bermakna anda selalu bermimpi. Jangan hiraukan akan huruf-huruf yang terdapat di sebelah jawapan anda. Huruf-huruf itu akan dihuraikan nanti.

Jika anda sudah dapat memahami konsep ini, sila jawab soalan-soalan yang dikemukakan.

## UJIAN PERSONALITI

### Bahagian 1

Jawab soalan-soalan di bawah. Anda diberikan 10 minit untuk menjawab seberapa banyak soalan yang anda mampu.

- |    |  |   |    |       |   |
|----|--|---|----|-------|---|
| 1. | Saya lebih suka bekerja bersendirian dengan cara saya sendiri. | I | Ya | Tidak | K |
| 2. | Saya mudah dan cepat untuk mengenali orang baru.               | A | Ya | Tidak | P |

3.	Kesalahan kecil yang saya lakukan kadang-kadang merisaukan saya.	S	Ya	Tidak	F
4.	Saya selalu membuat sesuatu tanpa berfikir.	C	Ya	Tidak	T
5.	Saya tidak mudah melupakan masalah saya.	S	Ya	Tidak	F
6.	Saya tidak ada masalah untuk duduk dan membuat sesuatu perkara yang sukar.	T	Ya	Tidak	C
7.	Walaupun orang lain tidak setuju, saya akan menyatakan perasaan saya.	A	Ya	Tidak	P
8.	Saya lebih suka orang lain yang menjadi ketua.	P	Ya	Tidak	A
9.	Saya lebih suka melakukan perkara yang sama seperti kawan-kawan saya yang lain.	K	Ya	Tidak	I
10.	Saya mencuba sedaya upaya untuk tidak melukakan hati sesiapa.	S	Ya	Tidak	F
11.	Saya suka membuat sesuatu dengan berhati-hati untuk memastikan perkara itu betul walaupun pada masa yang sama saya terpaksa meninggalkan perkara lain.	T	Ya	Tidak	C

12.	Banyak perkara yang saya baca daripada surat khabar dan buku adalah menyedihkan.	S	Ya	Tidak	F
13.	Saya susah untuk mengaku kesalahan saya.	F	Ya	Tidak	S
14.	Saya sentiasa menerima takdir.	T	Ya	Tidak	C
15.	Saya rasa saya bekerja dengan lebih baik secara berpasukan.	K	Ya	Tidak	I
16.	Saya lebih suka duduk di rumah daripada pergi ke parti.	P	Ya	Tidak	A
17.	Saya sentiasa tertarik dengan fesyen terkini.	C	Ya	Tidak	T
18.	Dunia ini terlalu banyak penderitaan.	S	Ya	Tidak	F
19.	Saya benci jika duduk di atas kerusi terlalu lama.	C	Ya	Tidak	T
20.	Saya mudah mencuba benda baru yang menarik.	C	Ya	Tidak	T
21.	Saya berkeyakinan dalam kebanyakan situasi.	F	Ya	Tidak	S
22.	Saya tidak mudah berasa kecewa kerana sesuatu perkara seperti orang lain.	F	Ya	Tidak	S

23.	Saya tetap menyokong kawan-kawan saya tidak kira apa yang berlaku.	K	Ya	Tidak	I
24.	Saya kadang-kadang bimbang tentang apa yang orang lain fikir akan diri saya.	P	Ya	Tidak	A
25.	Saya selalu tahu perkara yang hendak dicakapkan dalam satu perbincangan.	A	Ya	Tidak	P
26.	Saya selalu tidak dapat tidur kerana memikirkan perkara-perkara kecil yang tidak selesai.	S	Ya	Tidak	F
27.	Saya tidak keberatan untuk menceritakan perasaan saya kepada sesiapa sahaja.	K	Ya	Tidak	I
28.	Saya tidak tahu perkara yang akan saya lakukan tanpa kawan-kawan saya.	K	Ya	Tidak	I
29.	Saya selalu melakukan sesuatu tanpa memberitahu orang lain.	I	Ya	Tidak	K
30.	Saya suka mempengaruhi orang lain supaya menerima pendapat saya.	A	Ya	Tidak	P
31.	Tumpuan saya terhadap sesuatu kerja mudah digugat.	C	Ya	Tidak	T

32.	Selepas saya membuat sesuatu keputusan, saya mudah untuk menukar fikiran.	C	Ya	Tidak	T
33.	Saya suka membuat orang lain mengenali sesama sendiri.	A	Ya	Tidak	P
34.	Satu perkara yang seronok tentang menyimpan rahsia ialah saya boleh menceritakannya kepada orang lain.	K	Ya	Tidak	I
35.	Saya susah untuk membuat keputusan sekiranya perkara itu melukakan hati seseorang.	S	Ya	Tidak	F
36.	Saya lebih suka mendengar daripada bercakap.	P	Ya	Tidak	A
37.	Saya selalu berbaik semula selepas satu pertengkaran.	A	Ya	Tidak	P
38.	Saya gembira akan keadaan diri saya sekarang.	T	Ya	Tidak	C
39.	Saya suka orang meminta kebenaran dahulu sebelum meminjam barang saya.	I	Ya	Tidak	K
40.	Saya suka berkongsi masalah dengan kawan-kawan.	K	Ya	Tidak	I

## Bahagian 2

Dalam bahagian ini, anda harus memikirkan pendapat orang lain mengenai diri anda. Anda mesti menjawab dengan jujur tanpa rasa merendah diri ataupun meninggi diri.

Bahagian 2 mengandungi perkataan yang orang lain sering gunakan untuk bercerita tentang anda. Anda harus bulatkan satu jawapan sahaja sama ada Ya atau Tidak. Seperti Bahagian 1, jangan hiraukan huruf-huruf di sebelah.

Orang lain selalu menganggap diri saya sebagai:

1. Suka berkawan	K	Ya	Tidak	I
2. Kuat azam	I	Ya	Tidak	K
3. Relaks	T	Ya	Tidak	C
4. Bermegah-megah	A	Ya	Tidak	P
5. Tidak suka menonjol	P	Ya	Tidak	A
6. Penuh perasaan	S	Ya	Tidak	F
7. Menurut	K	Ya	Tidak	I
8. Berkeyakinan	A	Ya	Tidak	P
9. Tidak sabar	C	Ya	Tidak	T
10. Hidup	C	Ya	Tidak	T
11. Bersungguh-sungguh	A	Ya	Tidak	P
12. Pembantah	I	Ya	Tidak	K
13. Tidak unik	K	Ya	Tidak	I

14.	Sensitif	S	Ya	Tidak	F
15.	Boleh menerima teguran	K	Ya	Tidak	I
16.	Tidak suka berselindung	A	Ya	Tidak	P
17.	Pemalu	P	Ya	Tidak	A
18.	Mudah dipengaruhi	K	Ya	Tidak	I
19.	Realistik	F	Ya	Tidak	S
20.	Sombong	C	Ya	Tidak	T
21.	Tiada perasaan	F	Ya	Tidak	S
22.	Terlalu merendahkan diri	P	Ya	Tidak	A
23.	Mengikuti gerak hati	C	Ya	Tidak	T
24.	Lembut hati	S	Ya	Tidak	F
25.	Spontan	C	Ya	Tidak	T
26.	Ikut haluan sendiri	I	Ya	Tidak	K
27.	Tenang	T	Ya	Tidak	C
28.	Berterus-terang	F	Ya	Tidak	S
29.	Suka berangan	S	Ya	Tidak	F
30.	Sederhana	T	Ya	Tidak	C
31.	Berdikari	I	Ya	Tidak	K
32.	Benar	F	Ya	Tidak	S
33.	Tersipu-sipu	P	Ya	Tidak	A
34.	Berfikiran terbuka	A	Ya	Tidak	P
35.	Kemas	T	Ya	Tidak	C

36.	Tidak suka mengambil kesempatan	S	Ya	Tidak	F
37.	Tenteram	T	Ya	Tidak	C
38.	Objektif	F	Ya	Tidak	S
39.	Penakut	P	Ya	Tidak	A
40.	Suka memencilkan diri	I	Ya	Tidak	K

### **Bagaimana menilai jawapan anda**

Untuk menyemak jawapan anda, mulakan dengan Bahagian 1. Kira berapa kali anda membulatkan jawapan pada abjad yang ada di sebelah perkataan Ya atau Tidak. Sebagai contoh kira berapa banyak jawapan anda yang telah dibulatkan pada huruf F. Jumlah bilangan F akan menunjukkan skor untuk F. Ulangi perkara yang sama untuk huruf-huruf C, A dan K.

Ulang kiraan yang sama untuk Bahagian 2. Kemudian, jumlahkan markah keseluruhan untuk kesemua empat huruf berkenaan.

Untuk menyemak sama ada kiraan anda betul atau tidak, perhatikan dalam semua soalan, huruf S akan berpasangan dengan huruf F, huruf T dengan huruf C, huruf P dengan huruf A dan huruf I dengan huruf K. Dalam setiap bahagian, jumlah skor untuk setiap pasangan huruf ialah 10. Oleh itu, skor maksimum untuk setiap huruf bagi Bahagian 1 dan 2 ialah 20.

Setiap skor yang anda peroleh akan mewakili setiap aspek personaliti diri anda. Personaliti anda yang sebenarnya merupakan gabungan semua aspek ini. Untuk tujuan mengenali diri anda secara lebih terperinci, adalah lebih baik untuk anda menganalisis setiap aspek secara individu.

### **Jawapan Ujian Personaliti**

<b>Bahagian 1</b>	<b>+</b>	<b>Bahagian 2</b>	<b>=</b>	<b>Jumlah Skor</b>
F	+	F	=	_____
(    )		(    )		_____
10		10		20
C	+	C	=	_____
(    )		(    )		_____
10		10		20
A	+	A	=	_____
(    )		(    )		_____
10		10		20
K	+	K	=	_____
(    )		(    )		_____
10		10		20